

05/02/1997

MB Selangor nafi beritahu ada komplot dalaman

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menafikan beliau mengeluarkan kenyataan mengenai wujudnya komplot dalaman untuk menjatuhkannya daripada kedudukan sekarang.

Menurutnya, beliau tidak pernah menyebut ada komplot daripada kalangan ahli Umno untuk mengambil alih jawatannya sebagai Menteri Besar malah tidak pernah menimbulkan perkara itu kepada wartawan terbabit.

Beliau berkata, pentadbiran kerajaan negeri dan Umno negeri berjalan seperti biasa dan beliau tidak nampak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan bermain politik untuk menjatuhkannya.

"Saya tidak pernah mengadakan interviu khas dengan wartawan yang mengeluarkan berita itu. Malah ketika bertemu dengannya saya tidak nampak dia mengeluarkan kertas, pita rakaman dan pen untuk mengadakan temubual.

"Saya ada bersembang biasa dengannya (wartawan terbabit) dan tidak menimbulkan perkara itu kepadanya.

"Mungkin dia sendiri yang cuba menimbulkan isu berdasarkan khabar angin yang didengarinya," katanya kepada pemberita selepas majlis pengisytiharan kenaikan taraf Majlis Daerah Hulu Langat (MDHL) kepada Majlis Perbandaran Kajang; Majlis Daerah Petaling (MDP) kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya; dan Majlis Daerah Gombak (MDG) kepada Majlis Perbandaran Selayang di Dewan Jubli Perak di sini, hari ini.

Muhammad ditanya mengenai laporan sebuah akhbar berbahasa Cina yang dipetik sebagai berkata Muhammad mendakwa ada pihak cuba bermain politik kotor bagi menjatuhkannya serta mengambil alih jawatan Menteri Besar.

Akhbar itu yang mendakwa mengadakan temubual khas dengan Muhammad melaporkan kononnya beliau mengetahui ada pihak dari kalangan ahli Umno yang menghadap Sultan Selangor dan menawarkan diri sebagai Menteri Besar.

Menurut laporan itu, Muhammad berkata, pihak berkenaan cuba mengambil kesempatan daripada kes penahanannya di Brisbane, Australia untuk memburukkan lagi keadaan.

Laporan akhbar itu diterjemahkan oleh akhbar The New Straits Times Singapura, kelmarin.

Muhammad menjelaskan, beliau tidak mengadakan temubual khas dengan seorang wartawan sahaja jika ada berita seperti itu sebaliknya akan memanggil sidang akhbar.

Ditanya sama ada benar beliau menghantar surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, Menteri Besar berkata beliau tidak berbuat demikian dan menyifatkan ia khabar angin.

Muhammad berkata, beliau akan terus menerajui Kerajaan Selangor sehingga akhir penggal dan tidak berhasrat meletakkan jawatan kerana masih banyak tugas rasmi yang perlu diselesaikan.

(END)